



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

ARAHAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA BILANGAN 3 TAHUN 2026

AKTIVITI PAJAK GADAI ISLAM (*AR-RAHNU*)

**DIKELUARKAN PADA 1 OGOS 2026
NO. RUJUKAN: SKM.IP.(AM): 7964 SJ.5 JLD.4**

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
BAHAGIAN A : PENGENALAN	1
• TUJUAN • TAFSIRAN • LATAR BELAKANG	
BAHAGIAN B : AKTIVITI <i>AR-RAHNU</i>	3
• KONSEP SYARIAH BAGI AKTIVITI <i>AR-RAHNU</i> • RUKUN GADAIAN • SYARAT MELAKSANAKAN AKTIVITI <i>AR-RAHNU</i> • PENGGADAI • DOKUMEN BAGI TUJUAN PERMOHONAN MENJALANKAN AKTIVITI <i>AR-RAHNU</i> • PEMBUKAAN CAWANGAN	
BAHAGIAN C : PENGENDALIAN AKTIVITI <i>AR-RAHNU</i>	9
• PENGENDALIAN AKTIVITI <i>AR-RAHNU</i> • PENERIMAAN BARANG GADAIAN • PEMBIAYAAN KE ATAS BARANG GADAIAN • PENEBUSAN DAN LELONGAN • PROMOSI AKTIVITI <i>AR-RAHNU</i> • SALURAN ADUAN	
BAHAGIAN D : KEPERLUAN KAWAL SELIA	16
• TADBIR URUS • PENGURUSAN RISIKO • PROSES PENGURUSAN RISIKO • PEMELIHARAAN KERAHSIAAN • PEMATUHAN PRINSIP SYARIAH • PEMATUHAN UNDANG-UNDANG BERTULIS LAIN • PELAPORAN DAN PEMANTAUAN	
BAHAGIAN E : PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA	23

PERKARA		MUKA SURAT
LAMPIRAN 1	: PROSES ALIRAN AKTIVITI <i>AR-RAHNU</i>	24
LAMPIRAN 2	: PERMOHONAN MENJALANKAN AKTIVITI AR-RAHNU	26
LAMPIRAN 3	: CONTOH FORMAT PENYATA HARTA- HARTA MUDAH TUNAI	30
LAMPIRAN 4	: CONTOH FORMAT LEMBARAN PENSAHIRAN PRODUK	31
LAMPIRAN 5	: LAPORAN PRESTASI AKTIVITI <i>AR-RAHNU</i>	37

Pengemaskinian melibatkan:

1. Keperluan Prosedur Operasi Standard Lelongan sebagai dokumen permohonan.
2. Pembatalan pengenaan fi dan caj.
3. Pengenaan kadar keuntungan kepada penggadai yang merupakan anggota koperasi dan bukan anggota koperasi.
4. Pengenal kaedah lelongan barang gadaian.

BAHAGIAN A: PENGENALAN

TUJUAN

Pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan di bawah subseksyen 86B(1) Akta Koperasi 1993 [Akta 502], Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) mengeluarkan arahan bagi pemakaian seksyen 51 dan seksyen 84A Akta 502 untuk memberi panduan kepada koperasi bagi melaksanakan pembiayaan Islam untuk aktiviti pajak gadai Islam (*Ar-Rahnu*).

TAFSIRAN

2. Dalam arahan ini, melainkan konteksnya menghendaki makna yang lain—

“*Ar-Rahnu*” ertinya aktiviti pajak gadai Islam yang menyerahkan barang gadaian sebagai cagaran untuk mendapatkan pembiayaan;

“barang gadaian (*marhun*)” adalah barang emas termasuk perhiasan emas yang boleh digadaikan kepada koperasi dan boleh dijual beli;

“pembiayaan (*marhun bih*)” ertinya hutang; jumlah wang yang diterima oleh penggadaai daripada pemegang gadai sebagai pembiayaan yang wajib dibayar balik;

“ijab dan qabul (*sighah*)” ertinya lafaz akad yang merupakan salah satu rukun yang penting dalam sesuatu akad di mana tanpanya, suatu kontrak itu dianggap tidak berlaku;

“nilai barang gadaian (*nilai marhun*)” ertinya harga barang gadaian yang telah dinilai mengikut jenis, mutu, berat dan kandungan emas;

“pelelong berlesen” ertinya mana-mana orang yang diberi lesen dengan sempurnanya untuk menjalankan jualan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubung dengan jualan secara lelong awam;

“pemegang gadaian (*al-murtahin*)” ertinya orang yang memegang barang gadaian iaitu koperasi;

“penaksir” ertinya pegawai yang bertanggungjawab menjalankan penilaian barang gadaian tersebut; dan

“penggadai (*al-raahin*)” ertinya seseorang individu yang menggadaikan barangnya kepada pengusaha *Ar-Rahnu* koperasi dan mendapatkan pembiayaan daripada gadaian tersebut.

LATAR BELAKANG

3. Sistem kewangan Islam pada masa kini telah diperluaskan kepada pembiayaan pajak gadai sebagai usaha untuk menghapuskan riba dan ketidakpastian (*gharar*). Tujuan utamanya adalah untuk menghapuskan hasil bunga (*faedah*) yang dikenakan oleh pemilik pajak gadai sebagai ganjaran daripada wang tunai yang dipinjam.

4. Objektif utama aktiviti ini adalah seperti berikut:

- (a) menyediakan keperluan kewangan yang mudah dan cepat kepada peniaga-peniaga kecil untuk dijadikan sebagai modal pusingan;
- (b) menyediakan sumber kewangan alternatif kepada skim pajak gadai konvensional;
- (c) membolehkan individu memperoleh kewangan yang lebih efektif dari segi kos tanpa perlu meminjam daripada saluran yang mahal seperti “ah long”, “ceti” atau syarikat peminjam wang; dan
- (d) membangunkan kedudukan sosioekonomi masyarakat berpendapatan rendah.

BAHAGIAN B : AKTIVITI AR-RAHNU

KONSEP SYARIAH BAGI AKTIVITI AR-RAHNU

5. Aktiviti *Ar-Rahnu* ialah aktiviti pajak gadai Islam yang berasaskan kontrak Rahn (sandaran) dan kontrak Syariah lain yang bersesuaian bagi menyediakan kemudahan pembiayaan jangka pendek tanpa unsur riba dengan menjadikan barang gadaian sebagai sandaran pembiayaan

RUKUN GADAIAN

6. Koperasi hendaklah memastikan lima rukun berikut dipenuhi sebelum melaksanakan aktiviti *Ar-Rahnu*—

- (a) al-raahin (pihak penggadai);
- (b) al-murtahin (pihak pemegang gadaian);
- (c) marhun (barang gadaian);
- (d) marhun bih (pembiayaan); dan
- (e) sighah (ijab dan qabul).

SYARAT MELAKSANAKAN AKTIVITI AR-RAHNU

7. Koperasi hendaklah mendapatkan kelulusan Suruhanjaya terlebih dahulu untuk perkara berikut:

- (a) menjalankan aktiviti *Ar-Rahnu*;
- (b) melaksanakan kontrak Murabahah di bawah konsep Tawarruq dalam aktiviti *Ar-Rahnu* melainkan telah diberi kebenaran oleh Suruhanjaya untuk melaksanakan kontrak Syariah yang lain; dan
- (c) pembukaan cawangan dalam menjalankan urusan aktiviti *Ar-Rahnu* sebagaimana kehendak subseksyen 19A(1) Akta 502.

8. Bagi melaksanakan aktiviti *Ar-Rahnu*, koperasi hendaklah memenuhi syarat berikut:

(a) **Undang-undang Kecil Koperasi**

Undang-undang kecil koperasi mempunyai peruntukan berkenaan menjalankan aktiviti *Ar-Rahnu*.

(b) **Aturan *Ar-Rahnu***

Tujuan aturan diwujudkan adalah untuk menerangkan kepada anggota mengenai tatacara sesuatu aktiviti koperasi. Aturan hendaklah diluluskan dalam mesyuarat agung yang merangkumi sekurang-kurangnya perkara berikut:

- (i) tajuk;
- (ii) objektif;
- (iii) definisi;
- (iv) sumber dan kegunaan kewangan;
- (v) pentadbiran dan pengurusan;
- (vi) proses aliran kerja (termasuk dasar mengenai *Ar-Rahnu* dan dasar mengenali pelanggan). Rujuk **Lampiran 1** bagi proses aliran kerja minimum yang perlu ada;
- (vii) tugas-tugas, tanggungjawab dan kuasa pihak yang terlibat; dan
- (viii) pengurusan kewangan, risiko dan audit.

(c) **Kumpulan Wang Anggota**

Koperasi hendaklah mempunyai Kumpulan Wang Anggota sekurang-kurangnya **RM1,000,000.00** (Ringgit Malaysia : Satu Juta Sahaja).

(d) **Keperluan Mudah Tunai (bagi setiap cawangan)**

Koperasi hendaklah mempunyai keperluan mudah tunai sekurang-kurangnya **RM2,000,000.00** (Ringgit Malaysia : Dua Juta Sahaja) bagi setiap cawangan.

(e) **Pekerja**

Koperasi hendaklah memastikan pekerja mempunyai latihan yang mencukupi dan kompeten untuk melaksanakan tanggungjawab. Koperasi hendaklah memastikan—

- (i) pekerja yang mempunyai kepakaran berkaitan *Ar-Rahnu* dengan menyediakan kursus secara berterusan;
- (ii) penggunaan peralatan menguji ketulenan emas yang terkini sesuai dengan keperluan industri semasa;
- (iii) ketelitian semasa menguji barang gadaian (emas); dan
- (iv) pekerja diberi latihan semasa bekerja (*on job training*).

(f) **Premis Perniagaan**

Koperasi hendaklah memastikan lokasi premis untuk menjalankan aktiviti *Ar-Rahnu* terletak di kawasan yang strategik, tidak tersembunyi, mudah akses, mempunyai kawal keselamatan yang baik, fasiliti sokongan yang lengkap dan mempunyai ramai penduduk.

(g) **Pengurusan Teknologi**

Koperasi hendaklah menyediakan sistem pengurusan teknologi yang bersesuaian mengikut perkembangan semasa termasuklah—

- (i) pengurusan maklumat bagi setiap penggadaai dan urus niaga direkod menggunakan sistem rekod terkini dan mudah dicapai;
- (ii) pengujian barang gadaian dengan menggunakan teknologi semasa; dan
- (iii) sistem keselamatan dan pemantauan berpanduan kepada teknologi keselamatan yang menyeluruh dan terkini.

(h) Infrastruktur Bangunan

Koperasi hendaklah memastikan bangunan yang digunakan perlu mengikut spesifikasi yang diluluskan oleh pihak berkuasa berkaitan. Infrastruktur bangunan tersebut hendaklah mempunyai ciri-ciri keselamatan seperti sistem penggera “*alarm*” dan kamera litar tertutup “*Closed-Circuit Television (CCTV)*”, pengawal keselamatan, peti besi serta pintu besi bilik kebal.

(i) Perlindungan Takaful

Dalam mengendalikan apa-apa perniagaan, langkah-langkah pencegahan perlu diambil untuk mengelak koperasi dan penggadai daripada mengalami kerugian. Oleh itu, koperasi hendaklah menyediakan perlindungan takaful, sekurang-kurangnya, ke atas—

- (i) barang gadaian *Ar-Rahnu*;
- (ii) pekerja (termasuk perlindungan ke atas kejujuran pekerja);
- (iii) premis perniagaan;
- (iv) pindahan wang tunai (*money in transit*); dan
- (v) pindahan barang gadaian.

(j) Kaedah Pengujian Barang Gadaian

Koperasi hendaklah memastikan kaedah pengujian barangan adalah berlandaskan amalan industri.

(k) Prestasi Pengurusan

Koperasi hendaklah mempunyai rekod pengurusan yang baik termasuklah akaun koperasi teraudit pada setiap tahun dan mengadakan mesyuarat agung tahunan.

(l) Prestasi Aktiviti *Ar-Rahnu*

Koperasi hendaklah menunjukkan pulangan yang menguntungkan ke atas aktiviti *Ar-Rahnu* sedia ada terlebih dahulu bagi membuktikan kemampuan kewangan koperasi untuk membuka cawangan baharu.

(m) **Prestasi Aktiviti Utama atau Sedia Ada**

Pelaksanaan aktiviti *Ar-Rahnu* yang dibuat tidak akan menjejaskan aktiviti utama atau sedia ada koperasi.

(n) **Iklan**

Apa-apa iklan Pajak Gadai Islam (*Ar-Rahnu*) hendaklah mengikut spesifikasi yang diluluskan oleh pendaftar yang berautoriti (Pihak Berkuasa Tempatan).

(o) **Undang-Undang Bertulis Lain**

Koperasi hendaklah mematuhi peruntukan undang-undang bertulis lain yang berkuat kuasa.

PENGGADAI

9. Syarat minimum kelayakan seorang penggadai adalah seperti berikut:

- (a) merupakan seorang anggota atau bukan anggota koperasi;
- (b) berumur tidak kurang daripada 18 tahun; dan
- (c) mempunyai keupayaan dari segi mental (waras).

10. Penggadai hendaklah mengesahkan bahawa barang gadaian adalah milik sendiri melalui Surat Akuan Gadaian.

DOKUMEN BAGI TUJUAN PERMOHONAN MENJALANKAN AKTIVITI AR-RAHNU

11. Koperasi hendaklah mengemukakan permohonan bagi menjalankan aktiviti *Ar-Rahnu* kepada Suruhanjaya dengan menggunakan borang di **Lampiran 2** dan dokumen berikut dengan lengkap:

- (a) kertas kerja yang sekurang-kurangnya mengandungi maklumat syarat di perenggan 8;
- (b) cabutan minit mesyuarat agung yang meluluskan aturan atau pindaan aturan aktiviti *Ar-Rahnu* dan disahkan oleh Lembaga;

- (c) cabutan minit mesyuarat Lembaga yang meluluskan pembukaan cawangan bagi menjalankan aktiviti *Ar-Rahnu* dan disahkan oleh Lembaga;
- (d) cabutan undang-undang kecil yang membenarkan menjalankan aktiviti *Ar-Rahnu* dan disahkan oleh Lembaga;
- (e) aturan aktiviti *Ar-Rahnu* yang diluluskan oleh mesyuarat agung;
- (f) prestasi aktiviti *Ar-Rahnu* yang sedia ada, jika ada;
- (g) penyata harta-harta mudah tunai seperti format di **Lampiran 3**;
- (h) salinan penyata terimaan dan bayaran atau akaun pengurusan yang terkini, mana berkaitan;
- (i) Penyata Kewangan Teraudit bagi tiga (3) tahun terakhir, (jika berkaitan);
- (j) Laporan Jawatankuasa Syariah koperasi;
- (k) Prosedur Operasi Standard Lelongan (kecuali koperasi yang menggunakan khidmat pelelong berlesen); dan
- (l) dokumen tambahan lain bagi menyokong permohonan.

12. Koperasi yang menjalankan aktiviti *Ar-Rahnu* boleh dikenakan fi bagi kelulusan untuk membuka setiap cawangan koperasi di bawah subseksyen 19A(1) Akta 502 sepertimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama Peraturan-Peraturan Koperasi (Fi) 2010.

PEMBUKAAN CAWANGAN

13. Sebelum sesebuah cawangan dibuka, koperasi hendaklah membuat kajian dalam menjalankan aktiviti *Ar-Rahnu* bagi memenuhi keperluan masyarakat di sekitarnya. Koperasi juga perlu memastikan perundangan bertulis yang ditentukan oleh Suruhanjaya dipatuhi.

BAHAGIAN C : PENGENDALIAN AKTIVITI *AR-RAHNU*

14. Dalam menjalankan aktiviti *Ar-Rahnu*, koperasi hendaklah menitikberatkan kebaikan dan kemaslahatan kedua-dua belah pihak iaitu koperasi dan penggadai.

15. Koperasi hendaklah memastikan bahawa apa-apa urusan niaga dilaksanakan dengan telus dan berhemah serta segala dokumen berkaitan disimpan dan direkod dengan teratur.

PENGENDALIAN AKTIVITI *AR-RAHNU*

16. Koperasi hendaklah mempamerkan di premisnya sekurang-kurangnya perkara berikut:

- (a) harga emas harian;
- (b) kadar margin pembiayaan; dan
- (c) kadar keuntungan.

17. Koperasi hendaklah mengendalikan sendiri cawangan, pengurusan dan operasi aktiviti *Ar-Rahnu* atas nama koperasi itu. Apa-apa perolehan yang dijana daripada aktiviti tersebut hendaklah dinyatakan dalam Penyata Kewangan Koperasi.

Waktu Perniagaan

18. Koperasi hendaklah menjalankan aktiviti *Ar-Rahnu* seperti ketetapan berikut:

- (a) waktu operasi aktiviti *Ar-Rahnu* bermula antara pada jam 8.00 pagi dan 6.00 petang; atau
- (b) tertakluk kepada waktu operasi perniagaan yang dibenarkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

Sekatan-Sekatan

19. Koperasi hendaklah memastikan bahawa barang yang diterima sebagai barang gadaian tidak terdapat sesuatu cap atau tanda menunjukkan ia sebagai harta Kerajaan Malaysia atau Kerajaan sesebuah Negeri.
20. Koperasi tidak dibenarkan menerima apa-apa barang gadaian yang padanya munasabah untuk mengesyaki ia bukan pemilik asalnya. Koperasi boleh memohon dokumen sokongan sekiranya timbul apa-apa keraguan terhadap penggadai.
21. Koperasi tidak dibenarkan mendagang atau mencagar barang gadaian dan Surat Akuan Gadaian yang telah dicagarkan kepada pihak lain dalam tempoh gadaian.
22. Koperasi tidak dibenarkan untuk memindah milik, memberikan sewaan dan lain-lain berkaitan pengoperasian aktiviti *Ar-Rahnu* kepada mana-mana koperasi atau syarikat tanpa kelulusan Suruhanjaya terlebih dahulu.

PENERIMAAN BARANG GADAIAN

23. Koperasi hendaklah memastikan barang gadaian yang diterima adalah tulen dan berkualiti.
24. Koperasi boleh menerima barangan gadaian emas dalam bentuk jongkong, wafer, syiling atau ketulan emas yang dikeluarkan oleh syarikat berdaftar yang disenaraikan oleh koperasi dengan syarat sekurang-kurangnya dikemukakan dokumen berikut:
 - (a) resit pembelian atau invois jualan;
 - (b) sijil ketulenan emas; atau
 - (c) sijil penghargaan majikan.

25. Koperasi perlu mengikuti perkembangan jenis emas palsu yang berada di pasaran semasa terutamanya yang berasal dari negara-negara luar. Penaksir perlu berhati-hati dan mengambil langkah-langkah untuk mengenali pelanggan (*know your customer*) apabila mana-mana pelanggan datang menggadai. Secara minimum, koperasi hendaklah mengadakan kaedah pengujian dan penilaian emas yang bersesuaian berlandaskan Prosedur Operasi Standard (*Standard Operating Procedure* (SOP)) koperasi masing-masing dan amalan industri. Antara kaedah yang boleh digunapakai adalah pengujian asid (*touchstone*), ketumpatan (*densimeter*) dan X-Ray *Fluorescence* (XRF).

PEMBIAYAAN KE ATAS BARANG GADAIAN

Kawalan Had Pembiayaan

26. Jumlah pemberian pembiayaan oleh koperasi kepada setiap penggadai **tidak melebihi RM300,000.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Ratus Ribu Sahaja)** atau **tidak melebihi 80.0% daripada nilai marhun, mengikut mana-mana yang rendah.**

27. Walau bagaimanapun, jumlah keseluruhan pemberian pembiayaan oleh koperasi kepada setiap penggadainya hendaklah tidak melebihi **25.0%** daripada Kumpulan Wang Anggota.

28. Sekiranya koperasi ingin menawarkan pembiayaan melebihi had pembiayaan di perenggan 26, permohonan rasmi perlu dikemukakan kepada Suruhanjaya. Kelulusan akan dipertimbangkan berdasarkan kedudukan kewangan koperasi serta pematuhan kepada nisbah-nisbah kewangan yang ditetapkan.

Tempoh Gadaian

29. Tempoh maksimum lanjutan gadaian hendaklah tidak melebihi tempoh **18 bulan** dari tarikh gadaian.

Kadar Keuntungan

30. Kadar keuntungan hendaklah dikira ke atas jumlah pembiayaan yang diberikan—

- (a) bagi **penggadai yang merupakan anggota koperasi** itu, kadar keuntungan hendaklah **tidak melebihi 1.0% sebulan iaitu 12.0% setahun** ke atas jumlah pembiayaan; dan
- (b) bagi **penggadai yang bukan anggota koperasi** itu, kadar keuntungan yang dikenakan **tidak melebihi 2.0% sebulan iaitu 24.0% setahun** ke atas jumlah pembiayaan.

Walau bagaimanapun, tiada sebarang fi dan caj dibenarkan.

31. Koperasi hendaklah memastikan pengiraan dan pengenaan kadar seperti di perenggan 30 dibuat secara telus dan dinyatakan kepada penggadai sebelum pembiayaan diberikan dan direkodkan dalam dokumen perundangan berkaitan. Pengiraan kadar keuntungan bagi pemberian pembiayaan Ar-Rahnu ialah:

$$\text{Kadar Keuntungan} = \text{Jumlah Pembiayaan (prinsipal)} \times \text{Kadar Ditetapkan (1.0\% atau 2.0\%)} \times \text{Tempoh Gadaian (bulanan)}$$

Kaedah Bayaran Balik

32. Koperasi hendaklah memberi pilihan kepada penggadai untuk membuat bayaran balik pembiayaan secara ansuran atau sekali gus. Kaedah bayaran balik pembiayaan kepada koperasi boleh dibuat secara tunai, akaun bank, cek atau pembayaran secara atas talian.

Gadaian Semula

33. Penggadai adalah dibenarkan untuk menggadai semula barang gadaian yang sama dengan syarat kadar keuntungan yang dijelaskan terlebih dahulu dan baki pembiayaan diselaraskan dengan pembiayaan baharu. Jumlah pembiayaan baharu adalah bergantung kepada nilai marhun semasa.

PENEBUSAN DAN LELONGAN

Penebusan

34. Penggadai adalah berhak menebus barang gadaian pada bila-bila masa sebelum tamat tempoh gadaian atau mana-mana tempoh lanjutan yang diberi oleh koperasi. Koperasi hendaklah memberi rebat wajib berdasarkan prinsip Syariah *Ibra'* (Rebat) yang selaras dengan **GP7B: Garis Panduan Pemberian *Ibra'* (Rebat) Bagi Pembiayaan Islam Berasaskan Jual Beli** kepada semua pelanggan yang membuat penyelesaian pembiayaan sebelum tempoh akhir pembiayaan.

35. Pengiraan *Ibra'* (Rebat) bagi penyelesaian pembiayaan *Ar-Rahnu* adalah:

$$Ibra' = \text{Jumlah Keuntungan} - \text{Keuntungan Telah Dibayar}$$

Lelongan

36. Koperasi berhak melelong barang gadaian sekiranya penggadai gagal membuat penebusan dalam tempoh yang ditetapkan.

37. Pihak berkontrak boleh bersetuju pada masa pemeteraian kontrak *Rahn* bahawa penggadai memberikan kuasa kepada pemegang gadaian, wakilnya, atau pihak lain untuk melaksanakan proses lelongan.

38. Jika persetujuan seperti dalam perenggan 37 tidak dinyatakan dalam kontrak *Rahn*, pihak yang menjalankan proses lelongan hendaklah memperoleh kebenaran daripada penggadai bagi tujuan tersebut terlebih dahulu.

39. Lelongan barangan gadaian yang dilaksanakan oleh koperasi hendaklah melalui kaedah berikut:

(a) **Lelongan awam**

Proses penjualan kepada pembida yang menawarkan harga tertinggi dalam suatu sesi lelongan yang terbuka kepada orang awam dan dikendalikan oleh pelelong berlesen yang dilantik oleh koperasi mengikut undang-undang yang berkuat kuasa.

(b) **Lelongan elektronik atau e-lelong**

Suatu sistem yang menyediakan proses bidaan yang telus, adil dan boleh diaudit, yang membolehkan pembida mengemukakan tawaran harga secara elektronik dalam tempoh dan tatacara yang ditetapkan serta merekodkan semua transaksi bidaan termasuk tawaran harga, masa bidaan dan keputusan pembida berjaya berdasarkan kaedah bidaan yang diluluskan.

(c) **Lelongan secara tender**

Proses tawaran secara terbuka kepada mana-mana pihak yang layak untuk mengemukakan bidaan dalam tempoh yang ditetapkan, dan barang gadaian tersebut hendaklah dijual kepada pembida yang menawarkan harga tertinggi dan memenuhi kriteria penilaian yang ditetapkan oleh koperasi.

40. Koperasi yang melaksanakan lelongan di bawah perenggan 39(b) dan (c) hendaklah memastikan proses lelongan tersebut:

- (a) dijalankan secara adil, telus dan kompetitif;
- (b) memberi peluang penyertaan yang munasabah kepada pihak yang berminat;
- (c) direkodkan secara lengkap termasuk maklumat barang, harga rizab, pembida, nilai dan keputusan lelongan; dan
- (d) tidak melibatkan apa-apa konflik kepentingan antara koperasi, pegawai koperasi atau merangkumi mana-mana pihak berkaitan.

41. Koperasi hendaklah menetapkan Prosedur Operasi Standard Lelongan bagi pelaksanaan lelongan barangan gadaian di perenggan 39.
42. Sebelum tindakan melelong diambil, penggadaai akan diberi notis secara bertulis dengan tempoh masa yang mencukupi untuk memberi peluang bagi menebus barang gadaianya.
43. Satu notis mengenai pelelongan tersebut hendaklah ditampal di premis atau pemakluman secara atas talian bagi pengetahuan penggadaai berkenaan dan orang awam. Jika tidak ada penebusan dilakukan **selepas dua (2) minggu** dari tarikh notis, maka pelelongan akan dijalankan.
44. Wang hasil daripada lelongan akan digunakan untuk membayar amaun terhutang, kos pelelongan dan kos-kos berkaitan yang perlu untuk melaksanakannya, jika ada dan bakinya hendaklah dipulangkan kepada penggadaai.
45. Koperasi boleh menuntut semula defisit daripada penggadaai sekiranya wang hasil lelongan tidak mencukupi untuk menyelesaikan baki pembiayaan penggadaai.
46. Koperasi perlu membuat rekod lelongan bagi barang gadaian yang telah dilelongkan.
47. Penggadaai adalah berhak untuk memeriksa rekod lelongan dan rekod-rekod lain yang berkenaan dengannya.
48. Kadar keuntungan bagi barang gadaian untuk tujuan lelongan hendaklah dikira sehingga tempoh penyelesaian berdasarkan nilai pembiayaan pada tarikh asal gadaian dibuat.
49. Apa-apa lebihan lelongan yang tidak dituntut oleh penggadaai dalam tempoh masa **tidak kurang dari satu (1) tahun** hendaklah dibayar kepada Akauntan Negara menurut peruntukan dibawah Akta Wang Tak Dituntut 1965 [Akta 370].

PROMOSI AKTIVITI *AR-RAHNU*

50. Koperasi hendaklah memastikan bahan dan risalah yang digunakan untuk pengiklanan dan promosi produk *Ar-Rahnu* adalah jelas, adil dan tidak mengelirukan atau mempunyai unsur penipuan. Maklumat penting yang dianggap boleh memberi kesan terhadap keputusan pelanggan yang ingin mendapatkan pembiayaan hendaklah dipamerkan dengan jelas.

51. Pekerja atau wakil koperasi hendaklah menyediakan lembaran penzahiran produk seperti di **Lampiran 4** untuk memudahkan pelanggan membuat perbandingan produk *Ar-Rahnu* di kalangan penyedia perkhidmatan *Ar-Rahnu* yang sedia ada.

SALURAN ADUAN

52. Koperasi hendaklah menyediakan saluran aduan untuk mana-mana penggadai mendapatkan bantuan rundingan sekiranya menghadapi kesukaran dalam urus niaga berkaitan gadaian.

BAHAGIAN D: KEPERLUAN KAWAL SELIA

TADBIR URUS

53. Amalan tadbir urus yang berkesan dalam koperasi akan memastikan aktiviti *Ar-Rahnu* dikawal selia secara telus dan berhemah, mengambil kira aspek kawal selia dalam pengurusan koperasi.

Lembaga Koperasi

54. Lembaga hendaklah bertanggungjawab memastikan—

(a) dasar dan piawaian aktiviti *Ar-Rahnu* adalah—

(i) selaras dengan aktiviti perniagaan sepertimana termaktub dalam undang-undang kecilnya; dan

- (ii) bersesuaian dengan kecukupan modal, kepakaran pengurusan dan tahap risikonya.
- (b) aktiviti *Ar-Rahnu* adalah bersesuaian dengan objektif aktiviti perniagaan dan hala tuju koperasi;
- (c) aturan aktiviti *Ar-Rahnu* dibentangkan untuk kelulusan mesyuarat agung dan hendaklah dikaji dari semasa ke semasa dan dipinda sekiranya perlu;
- (d) mengamalkan tadbir urus yang baik;
- (e) pengurusan koperasi yang dipertanggungjawab mempunyai keupayaan untuk mengurus aktiviti *Ar-Rahnu*;
- (f) proses pengurusan risiko dalam aktiviti *Ar-Rahnu* adalah mencukupi;
- (g) suatu sistem penyeliaan yang teratur diwujudkan dalam hal pengurusan aktiviti *Ar-Rahnu* oleh koperasi; dan
- (h) aktiviti *Ar-Rahnu* yang disediakan tidak memudaratkan penggadai dan promosi tidak bersifat penyelewengan.

55. Lembaga hendaklah memantau prestasi aktiviti *Ar-Rahnu* melalui laporan oleh pihak pengurusan pada setiap suku tahun. Lembaga hendaklah mengkaji dan mengambil perhatian terhadap perkara berikut:

- (a) prestasi aktiviti *Ar-Rahnu*;
- (b) penggadai yang bermasalah dan tindakan susulan yang diambil; dan
- (c) maklumat berkenaan pelelongan yang dibuat, jika ada.

56. Lembaga hendaklah mewujudkan jawatankuasa untuk menangani perkara yang memerlukan penilaian atau pertimbangan yang lebih mendalam. Antara jawatankuasa tersebut termasuklah—

- (a) Jawatankuasa Syariah Koperasi;
- (b) Jawatankuasa Audit Dalaman; dan
- (c) Jawatankuasa Pengurusan Risiko.

Jawatankuasa Syariah Koperasi

57. Jawatankuasa Syariah Koperasi mempunyai tanggungjawab untuk memberikan nasihat kepada koperasi berkaitan perniagaan, urusan dan aktiviti *Ar-Rahnu*. Jawatankuasa Syariah Koperasi hendaklah bertanggungjawab termasuklah dalam perkara berikut:

- (a) menasihati Lembaga Koperasi dan memberi input kepada koperasi supaya sentiasa mematuhi hal-hal Syariah yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa;
- (b) mengkaji semula dan memastikan dokumen perundangan termasuk perjanjian mematuhi kehendak Syariah; dan
- (c) memastikan penerapan kontrak syariah berkaitan dalam polisi dan prosedur pelaksanaan aktiviti *Ar-Rahnu*.

Pengurusan

58. Pihak pengurusan bertanggungjawab untuk melaksanakan dasar aktiviti *Ar-Rahnu* sebagaimana diluluskan oleh Lembaga dan bertanggungjawab menyediakan prosedur yang perlu untuk dilaksanakan.

59. Tanggungjawab pihak pengurusan termasuk menyediakan—

- (a) bidang kuasa (*clear lines of authority*) dan tanggungjawab yang jelas dalam aktiviti *Ar-Rahnu*;
- (b) saluran komunikasi yang teratur dan jelas mengenai dasar aktiviti *Ar-Rahnu* dan dipatuhi oleh pegawai yang terlibat;
- (c) prosedur operasi yang mencukupi dan berkesan serta kawalan dalaman untuk mengenalpasti, mengukur dan mengawal risiko aktiviti *Ar-Rahnu* dalam usaha melaksanakan dasar dan piawaian yang telah ditetapkan oleh Lembaga;
- (d) sistem rekod yang berkesan untuk memastikan laporan prestasi aktiviti *Ar-Rahnu* boleh disediakan dengan cepat, tepat dan berinformasi;

- (e) laporan kepada Lembaga koperasi mengenai semua aspek aktiviti *Ar-Rahnu* termasuk tempoh gadaian dan lanjutan yang diberikan, kadar keuntungan dan lelongan;
- (f) maklumat kualiti dan risiko aktiviti *Ar-Rahnu* serta melaksanakan kajian semula ke atas keseluruhan aktiviti tersebut sekerap yang mungkin; dan
- (g) modal insan yang mencukupi dan kompeten.

Jawatankuasa Audit Dalaman

60. Jawatankuasa Audit Dalaman hendaklah menjalankan tugas dan fungsinya sepertimana menurut GP4: Garis Panduan Pelantikan, Peranan Dan Tanggungjawab Jawatankuasa Audit Dalaman dan undang-undang kecil koperasi dalam memastikan kawalan dalaman, pengurusan risiko dan prosedur aktiviti *Ar-Rahnu* yang ditetapkan dipatuhi.

PENGURUSAN RISIKO

61. Pengurusan risiko ialah suatu proses untuk melindungi sumber dan aset koperasi daripada kerugian. Amalan pengurusan risiko yang berkesan dapat mengawal atau mengurangkan tahap kerugian yang akan dialami oleh koperasi.

62. Sehubungan dengan itu, Lembaga melalui Jawatankuasa Pengurusan Risiko, bertanggungjawab mengamalkan teknik pengurusan risiko yang berkesan dengan mewujudkan—

- (a) rangka kerja dan tatacara yang mencukupi bagi mengenal pasti, memantau dan mengawal risiko;
- (b) prosedur operasi aktiviti *Ar-Rahnu* yang mencukupi dan berkesan; dan
- (c) proses kawalan dalaman untuk menilai, mengukur, mengawal, memantau dan melaporkan segala jenis risiko.

63. Dasar dan prosedur pengurusan risiko hendaklah diluluskan oleh Lembaga koperasi dan didokumenkan.

PROSES PENGURUSAN RISIKO

64. Penilaian Pembiayaan Aktiviti *Ar-Rahnu*

- (a) Setiap permohonan pembiayaan tertakluk kepada analisis sesuai dengan saiz transaksi. Format dokumen piawaian untuk penilaian dan pendekatan analisis yang seragam perlu ada. Penilaian hendaklah termasuk kaedah mengenali penggadai (*know your customer*), tujuan dan sumber bayaran balik pembiayaan.
- (b) Dasar bertulis perlu ada untuk melulus pembiayaan, pembaharuan pembiayaan sedia ada atau perubahan terhadap syarat pembiayaan yang telah diluluskan terdahulu.

65. Kelulusan Pembiayaan

- (a) Fungsi kelulusan pembiayaan hendaklah selaras dengan panduan yang disediakan oleh Lembaga dan aturan yang telah diluluskan oleh mesyuarat agung.
- (b) Proses kelulusan pembiayaan hendaklah memastikan wujudnya—
 - (i) akauntabiliti terhadap keputusan yang dibuat;
 - (ii) pembahagian kuasa untuk melulus atau membuat perubahan dalam terma; dan
 - (iii) had pembiayaan yang dibenarkan.
- (c) Kuasa melulus pembiayaan hendaklah diberikan kepada mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Lembaga.
- (d) Jejak audit (*audit trail*) hendaklah jelas, di mana dokumen segala aspek proses kelulusan pembiayaan disimpan dan pegawai dan/atau jawatankuasa yang memberi komen dan membuat keputusan boleh dikenali.

66. Pemantauan dan Kajian Semula

- (a) Penilaian dan kajian semula pembiayaan adalah asas untuk mengukur dan melapor prestasi pembiayaan secara tepat.
- (b) Koperasi perlu mengkaji semula semua pembiayaan.
- (c) Tatacara pemantauan perlu menentukan kriteria untuk mengenalpasti dan melapor pembiayaan dan transaksi lain yang berpotensi bermasalah supaya pembiayaan tersebut tertakluk kepada pemantauan yang lebih teliti dan tindakan penambahbaikan boleh diambil, jika perlu.
- (d) Tatacara pemantauan yang berkesan hendaklah termasuk—
 - (i) memastikan koperasi memahami kedudukan kewangan terkini penggadai; dan
 - (ii) memastikan pembiayaan mematuhi kehendak undang-undang.

67. Kajian Terhadap Kawalan Kualiti

- (a) Jawatankuasa Audit Dalaman atau pegawai yang diberi kuasa hendaklah menjalankan kajian pelaksanaan pembiayaan koperasi sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun.
- (b) Objektif kajian adalah untuk menentukan kualiti pembiayaan, mengemukakan pembiayaan bermasalah serta puncanya dan memberi cadangan untuk mendapat balik pembiayaan bagi meminimumkan kerugian. Jawatankuasa juga menentukan kepatuhan terhadap dasar dan prosedur pembiayaan. Laporan pembiayaan bermasalah hendaklah dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga.

PEMELIHARAAN KERAHSIAAN

68. Anggota Lembaga, Jawatankuasa Audit Dalaman, pegawai, pekerja, juruaudit atau mana-mana orang yang mempunyai akses kepada maklumat mana-mana anggota atau pelanggan yang diperolehi dalam melaksanakan perniagaan atau tugas kepada koperasi, tidak boleh digunakan untuk kepentingan peribadi dan tidak boleh dizahirkan

kepada mana-mana orang tanpa izin anggota atau pelanggan melainkan yang dibenarkan oleh undang-undang bertulis.

PEMATUHAN PRINSIP SYARIAH

69. Bagi maksud menjalankan aktiviti *Ar-Rahnu*, koperasi hendaklah memastikan prinsip-prinsip Syariah dalam amalan aktiviti tersebut dipatuhi.

PEMATUHAN UNDANG-UNDANG BERTULIS LAIN

70. Koperasi hendaklah pada setiap masa memastikan aktivitiya tidak bercanggah dengan undang-undang bertulis lain, antaranya seperti Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram Dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 [*Akta 613*] supaya integriti dan reputasi koperasi terpelihara.

71. Oleh itu, koperasi bertanggungjawab mewujudkan kawalan yang mencukupi khususnya pelaksanaan pemeriksaan usaha wajar (*due diligence*) serta kaedah mengenali penggadai (*know your customer*) untuk mengelak daripada digunakan sebagai saluran (*conduit*) bagi aktiviti yang bercanggah dengan undang-undang bertulis lain.

PELAPORAN DAN PEMANTAUAN

72. Koperasi hendaklah melaporkan prestasi *Ar-Rahnu* melalui laporan Lembaga dan dibentangkan dalam mesyuarat agung tahunan.

73. Koperasi hendaklah mengemukakan apa-apa maklumat dan statistik yang dikehendaki oleh Suruhanjaya pada setiap suku tahun mengikut format seperti di **Lampiran 5** bagi dokumen berikut:

- (a) Laporan Gadaian;
- (b) Laporan Lelongan; dan
- (c) Laporan Lebihan Tidak Dituntut Yang Dihantar Kepada Akauntan Negara.

BAHAGIAN E : PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA

74. Arahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Bilangan 1 Tahun 2025 – Aktiviti Pajak Gadai Islam (*Ar-Rahnu*) yang berkuatkuasa pada 5 November 2025 adalah dengan ini dibatalkan.

75. Arahan ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan peruntukan di bawah Akta, peraturan-peraturan, perintah, arahan, garis panduan dan apa-apa syarat yang ditetapkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

76. Pengecualian terhadap mana-mana peruntukan dalam arahan ini boleh diberikan oleh Suruhanjaya secara bertulis kepada mana-mana koperasi demi kepentingan perkembangan koperasi pada amnya.

77. Arahan ini dikuatkuasakan pemakaiannya pada 1 Ogos 2026.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(NOOR AFIFAH BINTI ABDUL RAZAK)

Ketua Pegawai Eksekutif

Suruhanjaya Koperasi Malaysia


Tarikh: 20 Julai 2026

PROSES ALIRAN AKTIVITI AR-RAHNU

Koperasi hendaklah mewujudkan suatu proses aliran aktiviti *Ar-Rahnu* sebagaimana rujukan di **Rajah 1**. Proses ini hendaklah sekurang-kurangnya merangkumi perkara berikut:

- (a) Syarat kelayakan penggadai;
- (b) Syarat gadaian;
- (c) Syarat pembiayaan;
- (d) Tempoh gadaian atau lanjutan gadaian;
- (e) Margin atau had pembiayaan;
- (f) Had kuasa melulus pembiayaan;
- (g) Cara pembayaran balik pembiayaan;
- (h) Kadar keuntungan;
- (i) Gadaian semula;
- (j) Penebusan gadaian;
- (k) Lelongan gadaian;
- (l) Rekod perakaunan; dan
- (m) Hal-hal lain
 - (i) Hilang upaya kekal atau kematian penggadai;
 - (ii) Kehilangan surat akuan gadaian; atau
 - (iii) Kes polis.

ALIRAN AKTIVITI AR-RAHNU



PERMOHONAN MENJALANKAN AKTIVITI AR-RAHNU

Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia,
Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia,
Changkat Semantan, Off Jalan Semantan,
Bukit Damansara,
50490 Kuala Lumpur
(u.p : Bahagian Syariah)

Melalui

Pengarah
Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri

Dengan sukacitanya saya bagi pihak Koperasi _____ Berhad
dengan ini membuat permohonan bagi menjalankan aktiviti *Ar-Rahnu*.

2. Bersama-sama ini disertakan maklumat berikut untuk pertimbangan tuan:

A. BUTIR-BUTIR PEMOHONAN

i. Cawangan
Cawangan Baharu :

Cawangan Sedia Ada :

Tarikh Kelulusan Suruhanjaya:
(sila sertakan salinan surat)

Alamat : _____

ii. Sumber Dana
Sumber Dalaman :

Sumber Luaran :

Jumlah Pembiayaan: _____

Institusi Pembiayaan: _____

iii. Modal Permulaan :

B. BUTIR-BUTIR PEMOHON

i. Nama Berdaftar : _____
Koperasi

ii. Tarikh Daftar : _____ No. Daftar : _____

iii. Alamat : _____
Berdaftar

iv. Alamat Surat : _____
Menyurat

v. No. Telefon : _____ No. Faks : _____

vi. E-mel : _____

vii. Tahun : _____ Fungsi : _____
Kewangan

viii. Aktiviti : _____

C. DOKUMEN PERMOHONAN

Bersama borang permohonan ini disertakan dokumen berikut [tandakan (✓)]

- | | | |
|-------|--|--------------------------|
| i. | Kertas Kerja Menjalankan Aktiviti <i>Ar-Rahnu</i>
(sila rujuk kepada perenggan 8 dalam Arahan untuk maklumat yang diperlukan) | ☐ |
| ii. | Cabutan minit mesyuarat agung yang meluluskan aturan atau pindaan aturan aktiviti <i>Ar-Rahnu</i> yang disahkan oleh Lembaga | ☐ |
| iii. | Cabutan minit mesyuarat Lembaga yang meluluskan Menjalankan aktiviti <i>Ar-Rahnu</i> yang disahkan oleh Lembaga | ☐ |
| iv. | Cabutan undang-undang kecil koperasi yang membenarkan menjalankan aktiviti <i>Ar-Rahnu</i> yang disahkan oleh Lembaga | ☐ |
| v. | Aturan aktiviti <i>Ar-Rahnu</i> yang diluluskan oleh mesyuarat agung | ☐ |
| vi. | Prestasi aktiviti <i>Ar-Rahnu</i> sedia ada, jika ada | ☐ |
| vii. | Aktiviti <i>Ar-Rahnu</i> lain yang terdapat di sekitar yang dicadangkan (Nyatakan nama, alamat dan jaraknya) | ☐ |
| viii. | Penyata Kewangan Teraudit bagi 3 tahun terakhir koperasi | ☐ |
| ix. | Penyata aset mudah tunai koperasi | ☐ |
| x. | Salinan penyata terimaan dan bayaran atau akaun pengurusan yang terkini, mana berkaitan | ☐ |
| xi. | Laporan Jawatankuasa Syariah Koperasi | ☐ |
| xii. | Prosedur Operasi Standard Lelongan | ☐ |
| xiii. | Dokumen tambahan lain bagi menyokong permohonan | |

D. PERAKUAN

Dengan ini:

- i. Kami mengaku bahawa segala maklumat yang diberikan adalah benar;
- ii. Kami bersetuju dengan apa-apa syarat yang ditetapkan oleh Suruhanjaya; dan
- iii. Kami bersetuju bahawa Suruhanjaya berhak menolak permohonan kami tanpa memberi apa-apa sebab dan berhak menarik balik kelulusan yang telah diberikan sekiranya didapati maklumat yang dikemukakan adalah tidak benar.

Tandatangan	_____	Tandatangan	_____
Nama	_____	Nama	_____
Jawatan Dalam Koperasi	_____	Jawatan Dalam Koperasi	_____
Cop Koperasi		Cop Koperasi	
Tarikh	_____	Tarikh	_____

Arahan : Koperasi hendaklah mengemukakan permohonan melalui Sistem Aplikasi Online.

CONTOH FORMAT PENYATA HARTA-HARTA MUDAH TUNAI

A. HARTA-HARTA MUDAH TUNAI

[illegible]

B. DEPOSIT DAN SIMPANAN KHAS DITERIMA

1. Deposit
2. Simpanan Khas

C. Lebih Harta-Harta Mudah Tunai Atas Deposit Dan Simpanan Khas (A-B)

CONTOH FORMAT LEMBARAN PENZAHIRAN PRODUK

Nama produk: Pembiayaan *Ar-Rahnu*

(Baca Lembaran Penzahiran Produk ini sebelum anda memutuskan untuk memohon Pembiayaan *Ar-Rahnu*. Sila baca terma dan syarat am)

1.	Produk ini mengenai apa? Produk ini merupakan skim pajak gadai Islam yang menyediakan alternatif pembiayaan kepada individu dalam memenuhi keperluan wang tunai secara segera, menawarkan peluang pelaburan serta menyekat aktiviti pembiayaan secara haram atau tidak berlesen.
2.	Apakah Konsep Syariah digunakan? Menggabungkan konsep-konsep Syariah <i>Rahn</i> dan kontrak yang bersesuaian untuk pembiayaan Islam • <i>Ar-Rahnu</i> adalah mekanisme di mana satu barangan berharga dijadikan sandaran yang terikat dengan pembiayaan secara bercagar yang boleh dibayar dengannya, sekiranya pembiayaan tersebut tidak dapat dijelaskan. • Konsep pembiayaan yang diluluskan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia.
3.	Apakah kelebihan yang saya dapat dari produk ini? Kelebihan produk ini adalah seperti berikut: • Pembiayaan berlandaskan Syariah • Cepat dan mudah • Barang gadaian dijamin keselamatannya • Kadar keuntungan yang rendah (<i>more cost efficient</i>) • Tempoh gadaian lebih lama
4.	Apakah saya layak untuk memohon? Syarat minimum kelayakan seorang penggadai adalah: • Seorang anggota koperasi atau bukan anggota koperasi • Berumur 18 tahun ke atas • Keupayaan dari segi mental (waras)
5.	Berapakah jumlah pembiayaan yang boleh saya peroleh? Anda boleh mendapat pembiayaan tidak melebihi RM300,000.00 atau tidak melebihi 80% daripada nilai emas (<i>marhun</i>), mengikut mana yang rendah.

6.	Berapa lamakah tempoh gadaian yang boleh dikenakan kepada saya? Tempoh gadaian termasuk lanjutan gadaian tidak melebihi tempoh 18 bulan dari tarikh gadaian. Perincian tempoh sebagaimana berikut: • Tempoh gadaian asas selama 6 bulan (tempoh matang) • Tempoh lanjutan pertama selama 6 bulan • Tempoh lanjutan kedua selama 6 bulan
7.	Apakah jenis barangan gadaian yang boleh diterima oleh koperasi? Semua jenis barang kemas yang diperbuat daripada emas yang mempunyai mutu berikut: • emas 999 • emas 950 • emas 916 • emas 875 • emas 835 • emas 750
8.	Bagaimanakah cara penebusan gadaian dibuat? Penebusan gadaian boleh dibuat secara— • ansuran atau • sekali gus atau • pada bila-bila masa sebelum atau pada tarikh matang
9.	Apa yang saya dapat dari produk ini? Nilai <i>Marhun</i> : RM10,000.00 Jumlah Pembiayaan : RM8,000.00 (80% atas nilai <i>marhun</i>) Tarikh Gadaian : 01 Januari 2020 Tempoh : 365 hari (1 tahun) Tarikh Matang : 01 Januari 2021 Kadar Keuntungan : 1.00% sebulan atas nilai pembiayaan

10. Apakah formula pengiraan Kadar Keuntungan dan *Ibra'* yang perlu saya bayar?

(1) *Contoh:* Bayaran kadar keuntungan bagi Anggota seperti berikut:

Kadar keuntungan bagi setiap 1.00% sebulan iaitu 12.00% setahun ke atas jumlah pembiayaan

Formula seperti berikut:

$$\text{Keuntungan} = \text{Jumlah Pembiayaan (Prinsipal)} \times \text{Kadar Ditentukan (1\%)} \times \text{Tempoh Gadaian (bulanan)}$$

(2) *Contoh:* Bayaran kadar keuntungan bagi Bukan Anggota seperti berikut:

Kadar keuntungan bagi setiap 2.00% sebulan iaitu 12.00% setahun ke atas jumlah pembiayaan

Formula seperti berikut:

$$\text{Keuntungan} = \text{Jumlah Pembiayaan (Prinsipal)} \times \text{Kadar Ditentukan (2\%)} \times \text{Tempoh Gadaian (bulanan)}$$

Ilustrasi Pengiraan:

Harga Jualan dan Keuntungan

Nilai <i>Marhun</i>	:	RM10,000.00
Jumlah Pembiayaan	:	RM8,000.00 (80% atas nilai <i>marhun</i>)
Tarikh Gadaian	:	01 Januari 2020
Tempoh	:	365 hari (12 bulan)
Tarikh Matang	:	01 Januari 2021
Kadar Keuntungan	:	1.00% sebulan atas nilai pembiayaan

Cara Pengiraan:

$$\begin{aligned}\text{Jumlah Penyelesaian} &= \text{RM8,000.00} \times (1.00\% \times 12 \text{ bulan}) \\ &= \text{RM8,000.00} + \text{RM960.00} \\ &= \underline{\text{RM8,960.00}}\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}\text{Jumlah Penyelesaian} &= \text{RM8,000.00} \times (2.00\% \times 12 \text{ bulan}) \\ &= \text{RM8,000.00} + \text{RM1,920.00} \\ &= \underline{\text{RM9,920.00}}\end{aligned}$$

(3) *Contoh: Ibra'* seperti berikut:

	<u>Ibra' (Rebat)</u> Ibra' akan diberikan ke atas perbezaan di antara Harga Jualan dengan bayaran yang perlu dijelaskan oleh Pelanggan berdasarkan tempoh gadaian selepas penyelesaian penuh kemudahan dan penebusan Aset Gadaian dibuat. Formula seperti berikut: <i>Ibra'</i> = Jumlah Keuntungan – Keuntungan Telah Dibayar Ilustrasi Pengiraan: Penyelesaian awal pembiayaan: Pelanggan ingin menebus barang gadaian lebih awal dari tempoh yang ditetapkan (1 tahun) dengan membuat penyelesaian penuh atau penebusan, <i>Ar-Rahnu</i> Koperasi akan memberikan <i>Ibra'</i> (rebat) kepada amaun yang dibayar. Kadar keuntungan dikira secara bulanan dan diambil kira sehingga tempoh penebusan dilaksanakan sahaja. Dalam situasi ini, pelanggan akan menebus pada bulan ke-6. Rebat yang diberikan kepada Pelanggan berdasarkan ilustrasi di atas adalah berjumlah: Cara Pengiraan: <i>Ibra'</i> = Jumlah Keuntungan – Keuntungan Telah Dibayar = RM8,960.00 – RM8,480.00 = <u>RM480.00</u>
11.	Apa yang saya dapat dari produk ini? Nilai <i>Marhun</i> : RMxxx Jumlah Pembiayaan : RMxxx (80% atas nilai <i>marhun</i>) Tarikh Gadaian : 15 Julai 2012 Tempoh : 180 hari (6 bulan) Tarikh Matang : 15 Januari 2013 Kadar Keuntungan : 1.00% sebulan atas nilai pembiayaan (Anggota) 2.00% sebulan atas nilai pembiayaan (Bukan Anggota)
12.	Apakah tanggungjawab saya? • Kadar keuntungan bulanan : RMxx • Ansuran bulanan : RMxx • Jumlah untuk dibayar termasuk jumlah pembiayaan : RMxx

13.	Bagaimana jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya? • Sekiranya anda gagal menebus marhun tersebut dalam tempoh gadaian atau tempoh lanjutan yang diberikan, maka koperasi berhak melelong <i>marhun</i> berkenaan mengikut prosedur pelelongan. • Wang hasil daripada lelongan akan digunakan untuk membayar amaun terhutang, kos pelelongan dan kos-kos yang berkaitan. Bakinya boleh anda tuntutan sejurus menerima notis wang lebihan lelongan.
14.	Apakah risiko terlibat? Jika anda mempunyai masalah memenuhi kewajipan pembiayaan anda, sila hubungi pihak koperasi dengan segera untuk membincangkan pembayaran alternatif.
15.	Adakah saya memerlukan penjamin? Tiada penjamin diperlukan.
16.	Apa yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan mengenai butiran peribadi? Adalah penting anda memaklumkan koperasi mengenai apa-apa perubahan butiran peribadi anda untuk memastikan semua urusan komunikasi dengan anda disampaikan dengan lebih berkesan.
17.	Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut? • Untuk maklumat lanjut, pertanyaan atau maklum balas mengenai produk dan perkhidmatan kami yang terkini, anda boleh menghubungi Pusat Panggilan kami di talian 1300 xx xxxx atau kunjungi laman web kami di www.koperasiABC.com.my atau mana- mana cawangan Koperasi ABC Berhad yang berdekatan. • Sekiranya anda ingin membuat aduan, sila hubungi kami di: - Bahagian Aduan Anggota - Koperasi ABC Berhad 22, Jalan STU 53000 Kuala Lumpur - Tel: - Faks: - E-mel: • Sekiranya koperasi tidak dapat menyelesaikan aduan tersebut, anda boleh merujuk selanjutnya kepada: - Suruhanjaya Koperasi Malaysia - Bahagian Penyiasatan dan Penguatkuasaan - Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia - Changkat Semantan, Off Jalan Semantan - Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur - Laman web: www.skm.gov.my

	Tel: 03-40474000; Faks: 03-40474116 Atau Sistem Aplikasi <i>Online</i> Aduan Koperasi = http://apponline.skm.gov.my
18.	Pakej pembiayaan peribadi lain yang tersedia ialah: • Pembiayaan Tunai-i • XYZ

LAPORAN PRESTASI AKTIVITI AR-RAHNU

NAMA KOPERASI :

TARIKH / BILANGAN DAFTAR :

FUNGSI :

KUMPULAN WANG ANGGOTA (RM) :

LAPORAN TAHUN :

TAHUN _____	31 MAC	
	30 JUN	
	30 SEPT	
	31 DIS	

PEGAWAI KOPERASI UNTUK DIHUBUNGI:

NAMA :

NO TELEFON :

E-MEL :

COP RASMI :

1. LAPORAN GADAIAN

Bil	(a)	(b)		(c)		(d)	(e)	(f)	(g)	(h)	(i)
	Jenis Penggadaai	Bil. Permohonan		Jumlah Pembiayaan (RM)		Margin Pembiayaan (%)	Baki Pembiayaan (RM)	Tempoh Gadaian (bulan)	Jumlah Keuntungan (RM)	Sambung gadaian/gadaian semula	
		Diterima	Dilulus	Diterima	Dilulus					Tempoh (bulan)	Jumlah keuntungan (RM)

Penerangan:

- (i) Data untuk kolum (b), (c), (e), (g) dan (i) hendaklah diisi secara kumulatif
- (ii) Bagi kolum (d), (f) dan (h), boleh nyatakan secara julat sekiranya penetapan lebih dari satu
- (iii) Nyatakan dasar koperasi bagi berikut:
 - (a) Margin Pembiayaan : contoh, penetapan margin lebih dpd satu seperti 65%, 75% dan 80% untuk produk-produk lain
 - (b) Tempoh Gadaian : contoh, 1, 2, 3, 4, 5, 6 bulan atau gandaan 2 bulan seperti 1, 2, 4, 6 bulan
 - (c) Kadar Keuntungan : contoh, 1.00% sebulan atas nilai pembiayaan (Anggota)
contoh, 2.00% sebulan atas nilai pembiayaan (Bukan Anggota)
- (iv) Laporan ini hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya dalam tempoh 14 hari selepas setiap suku tahun (iaitu selewat-lewatnya pada 14 April, 14 Julai, 14 Oktober dan 14 Januari)

2. LAPORAN LELONGAN

Nama Penggadai	Alamat Penggadai	Tarikh Gadaian	Jenis Sandaran	Jumlah Pembiayaan	Kadar keuntungan	Tarikh Lelongan	Tarikh Lelongan	Jumlah Lelongan	Jumlah Serahan Lebihan Lelongan	Jumlah Lebihan Tidak Dituntut

3. LAPORAN LEBIHAN LELONGAN TIDAK DITUNTUT YANG DIHANTAR KEPADA AKAUNTAN NEGARA

[sila lengkapkan laporan ini sekiranya terdapat lebihan /lelongan yang diserahkan kepada Akauntan Negara menurut Akta Wang Tak Dituntut 1965 [Akta 370] seperti di perenggan 52 arahan ini]

Nama Penggadai	Alamat Penggadai	Tarikh Gadaian	Jenis Sandaran	Jumlah Pembiayaan	Kadar keuntungan	Tarikh Lelongan	Tarikh Lelongan	Jumlah Lelongan	Jumlah Lebihan Tidak Dituntut
JUMLAH									

TARIKH DIHANTAR = _____